



## SYARAT-SYARAT LESEN REFLEKSOLOGI / SPA / SAUNA / JAKUZI

### 1. PREMIS DAN LOKASI

- 1.1 Premis hanya dibenarkan digunakan bagi aktiviti yang dilesenkan sahaja.
- 1.2 Lokasi premis hendaklah berjauhan daripada kawasan kediaman, rumah ibadat dan sekolah. Lokasi yang dibenarkan adalah di Hotel Kelas 1 (bertaraf 3 Bintang dan ke atas), rumah kelab, kompleks perdagangan dan kompleks membeli-belah sahaja.
- 1.3 Pintu masuk premis hendaklah diliputi cermin telus dan pintu itu hendaklah **tidak dikunci** semasa waktu perniagaan.
- 1.4 Pintu masuk premis hendaklah terdiri daripada cermin telus cahaya dan permukaan tersebut hendaklah bebas daripada sebarang pelekat, poster, atau apa-apa yang boleh menghalang pandangan.
- 1.5 Kawasan rawatan hendaklah mengikut konsep terbuka dan mestilah mempunyai cahaya dan pengudaraan yang sempurna dan mencukupi.
- 1.6 Hanya dibenarkan meletakkan kerusi urut bagi tujuan urutan refleksologi. Penggunaan katil adalah tidak dibenarkan bagi tujuan refleksologi.
- 1.7 Semua pintu bilik terdiri daripada cermin telus cahaya yang tidak boleh dikunci atau menggunakan kain langsir.
- 1.8 Ruang rawatan lelaki dan perempuan hendaklah diasingkan dan diletakkan papan tanda.
- 1.9 Kegiatan menyalahgunakan premis seperti pelacuran, perjudian atau apa-apa perlakuan yang tidak senonoh, tidak dibenarkan.

- 1.10 Bagi premis yang disewakan, pelesen perlu mendapatkan kebenaran, persetujuan dan tandatangan daripada pemilik premis bagi aktiviti ini.
- 1.11 Sekiranya, didapati premis terbabit menjalankan perniagaan yang menyalahi undang-undang, Kerajaan Negeri boleh mengambil tindakan merampas premis berkenaan.

## **2. PEKERJA DAN TUKANG URUT**

- 2.1 Pekerja dan tukang urut hendaklah berpakaian seragam, sopan yang tidak menjolok mata.
- 2.2 Warna dan rekabentuk pakaian seragam ditentukan mengikut kesesuaian PBT.
- 2.3 Pengusaha tidak dibenarkan mengambil pekerja di bawah umur 21 tahun sebagai tukang urut atau kerja-kerja lain yang berkaitan.
- 2.4 Pekerja dan tukang urut warga asing perlu ada permit dari Jabatan Imigresen dan membuat pemeriksaan kesihatan.
- 2.5 Pelanggan lelaki dan wanita hendaklah ditempatkan berasingan dan dikhaskan tukang urut yang sama jantina dengan pelanggan.
- 2.6 Pekerja asing yang bekerja hendaklah memiliki permit daripada Jabatan Imigresen.

## **3. PEMERIKSAAN KESIHATAN**

- 3.1 Semua pekerja dan pengurus hendaklah pemeriksaan doktor bagi membuktikan pekerja / pengurus bebas dari sebarang penyakit berjangkit atau berbahaya dan didaftarkan dengan Bahagian Pelesenan, MDKL bersama-sama surat perakuan kesihatan dari doktor yang bertauliah.

## **4. DAFTAR PEKERJA DAN PELANGGAN**

- 4.1 Satu buku daftar pekerja yang mengandungi nama , no. kad pengenalan, alamat kediaman, gambar dan butiran yang berkaitan dengan pekerja dan tukang urut hendaklah disediakan.
- 4.2 Satu buku daftar pelanggan yang mengandungi nama, pelanggan, no. kad pengenalan, warganegara, alamat kediaman, tarikh dan masa hendaklah disediakan.

## **5. MASA OPERASI**

- 5.1 Premis dibenarkan beroperasi 10.00 pagi sehingga pukul 10.00 malam sahaja.

## **6. PERLESENAN**

- 6.1 Perniagaan ini adalah dilesenkan di bawah Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Perniagaan Kesihatan 2007.
- 6.2 Pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesen pada sepanjang masa di suatu tempat yang mudah dilihat dan mengemukakannya sekiranya dikehendaki berbuat demikian oleh pihak berkuasa melesen.

## **7. WANG CAGARAN**

- 7.1 Setiap permohonan dikenakan bayaran cagaran. Wang cagaran tersebut adalah sebagai jaminan kepada pemohon supaya pada setiap masa mematuhi peraturan dan syarat-syarat pemberian lesen yang ditetapkan.
- 7.2 Wang cagaran tersebut akan dirampas (forfeited) apabila pemohon melanggar syarat-syarat atau sekatan lesen itu dan peruntukan-peruntukan enakmen atau mana-mana yang telah ditetapkan.

## **8. JANGKA MASA SALAHLAKU LESEN**

- 8.1 Secara prinsip, sesuatu lesen tidak boleh diperbaharui sebagai suatu hak kecuali dibuat melalui permohonan baru. Untuk itu dicadangkan permohonan pembaharuan lesen hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya 3 bulan sebelum tarikh luput lesen.

## **9. KEBERSIHAN / KESELAMATAN**

- 9.1 Ruang urut, tandas, bilis air, katil, kain cadar, lantai, ruang tamu dan keseluruhan premis hendaklah diselenggara dengan baik dan sentiasa dalam keadaan bersih.
- 9.2 Menyediakan tong sampah yang secukupnya beserta dengan karung plastik.
- 9.3 Kelengkapan mencegah kebakaran seperti alat pemadam api hendaklah disediakan dengan secukupnya dan dipasang di tempat yang mudah dilihat.

9.4 Semua laluan, tangga. Jalan keluar dan masuk hendaklah bebas dari sebarang halangan.

9.5 Semua ruang dalam rumah urut atau premis hendaklah dipasang dengan lampu yang terang semasa waktu perniagaan.

## **10. PAPAN TANDA / IKLAN**

10.1 Tidak dibenarkan meletakkan gambar atau poster-poster lucah dan menjolok mata samada di dinding premis atau di papan iklan premis.

10.2 Mempamerkan papan tanda yang mudah dilihat untuk dipatuhi oleh pekerja dan pelanggan iaitu :

- a) Dilarang merokok
- b) Dilarang minum arak
- c) Dilarang berjudi

10.3 Setiap pemasangan iklan/papan tanda hendaklah mendapat lesen terlebih dahulu.

## **PERINGATAN**

**\*\*Segala arahan daripada Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis ini yang diberi kuasa hendaklah dipatuhi dari masa ke semasa.**

Disediakan Oleh :

Jabatan Pelesenan dan Kesihatan Persekitaran  
Majlis Daerah Kuala Langat